



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BIL.33/ 2017

TIADA PRK BAGI KERUSI PARLIMEN P.126 JELEBU, NEGERI SEMBILAN

1. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) pada 12 Disember 2017 telah menerima surat pemakluman rasmi daripada Speaker Dewan Rakyat, Yang Berhormat Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Hj. Mulia berhubung dengan kekosongan kerusi bagi Parlimen Jelebu (P.126) ekoran penyandanginya Yang Berhormat Dato' Haji Zainuddin bin Haji Ismail telah meninggal dunia pada 6 Disember 2017.
2. Sehubungan dengan itu, di bawah Perkara 54(1) Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa jika kekosongan luar jangka dipastikan dalam tempoh dua tahun sebelum mandat yang diberikan kepada kerajaan Persekutuan akan terbubar, maka kekosongan luar jangka itu tidak boleh diisi, melainkan jika Speaker memberitahu secara bertulis kepada SPR akan keperluan pengisian kekosongan luar jangka tersebut.
3. Berdasarkan surat pemakluman yang diterima, Yang Berhormat Speaker Dewan Rakyat tidak menyatakan keperluan untuk mengisi kekosongan luar jangka itu. Oleh itu, memandangkan tempoh mandat Dewan Rakyat pada PRU Ke-13 yang telah melebihi tempoh tiga (3) tahun dan tiada pemberitahuan oleh Speaker mengenai keperluan

untuk mengisi kekosongan luar jangka itu, maka SPR memutuskan bahawa **TIADA** Pilihan Raya Kecil (PRK) dijalankan untuk mengisi kekosongan luar jangka bagi kerusi Parlimen Jelebu (P.126) selaras dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan yang dinyatakan.

Sekian.

TAN SRI MOHD HASHIM BIN ABDULLAH

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia

PUTRAJAYA

Tarikh: 13 Disember 2017 / 24 Rabiulawwal 1439H